



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

CIDB MERAIKAN KECEMERLANGAN INDUSTRI PEMBINAAN DENGAN PENGANJURAN MCIEA 2024

KUALA LUMPUR (5 APRIL 2024) – Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) MCIEA 2024 akan menganjurkan Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia iaitu Malaysian Construction Industry Excellence Awards (MCIEA) 2024 untuk meraikan kecemerlangan penggiat industri pembinaan negara.

MCIEA dianjurkan setiap tahun sejak ia mula diadakan lebih 20 tahun yang lalu. Namun penganjurannya tertangguh dari tahun 2020 sehingga 2023 disebabkan pandemik COVID 19.

“Pada tahun ini, CIDB kembali menganjurkan MCIEA sebagai pengiktirafan kepada semua penggiat industri pembinaan yang cekal dalam menghadapi pelbagai cabaran terutamanya semasa selepas pandemic COVID 19,” kata Dato’ Sri Mohd Zaid Zakaria, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

“MCIEA memberi peluang kepada semua penggiat industri pembinaan untuk menunjukkan pencapaian mereka dalam menerajui inovasi, kualiti dan kemampanan serta mendapat pengiktirafan ke atas sumbangan kepada industri pembinaan Malaysia,” katanya.

Penyertaan adalah dibuka untuk kategori berikut:

1. Anugerah Kontraktor Terbaik (Kontraktor G1 hingga G6)
2. Anugerah Projek Terbaik
 - Projek Infrastruktur
 - Projek Bangunan
3. Anugerah Pencapaian Antarabangsa
4. Anugerah Jurubina Terbaik (Kontraktor G7)
5. Anugerah Tokoh Terkemuka

Penyertaan untuk MCIEA 2024 boleh dihantar melalui laman sesawang www.mciea.my dari **4 April sehingga 3 Jun 2024.**

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
